

*CONFERENCE PROCEEDING***Kes Pembuangan Bayi di Malaysia: Sejauh Manakah
Pelibatan Pihak Lelaki**

Eilham Yasha Humaira Binti Abdul Fatah¹, Dr. Mohd Zamrus bin Mohd Ali^{1*}

¹Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: zamrus@usim.edu.my

ABSTRAK

Pembuangan bayi adalah salah satu gejala sosial yang banyak dibicarakan secara terbuka dalam kalangan rakyat Malaysia. Dalam tempoh 2018 hingga 2022, sebanyak 141 kes membabitkan janin manakala 302 lagi adalah bayi baharu lahir telah dicatatkan di Malaysia. Pembuangan bayi ini berlaku disebabkan tekanan hidup dalam kalangan mereka yang lemah pegangan agama dan juga faktor bawah umur. Walau bagaimanapun perspektif masyarakat kita sering mengaitkan kes pembuangan disebabkan atas faktor si ibu. Mungkin kerana perasaan malu, tidak bersedia atau tiada tempat pergantungan. Kajian ini meninjau sejauh mana pihak lelaki juga menjadi faktor pendorong kepada kes yang dikaji. Berdasarkan metodologi kajian kualitatif, maklumat yang akan diketengahkan akan memberi fokus kepada kes-kes yang berlaku di Malaysia yang melibatkan pelbagai etnik dan agama. Hasil kajian awal mendapati bahawa kes pembuangan bayi turut melibatkan pihak lelaki secara langsung atau tidak langsung. Kesimpulan kajian turut menuntut kepada hukuman berat kepada pihak lelaki yang didapati bersalah. Untuk hal ini peranan Kementerian Pembangunan Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) wajar mengambil langkah proaktif untuk mencari solusi mengikut cabaran arus semasa.

Kata Kunci: *pembuangan bayi, faktor pembuangan bayi, pelibatan pihak lelaki, gejala sosial, tekanan hidup*

PENGENALAN

Kehadiran seorang bayi adalah kurniaan Tuhan dan juga merupakan kebahagiaan bagi sesebuah keluarga. Anak juga adalah buah hati dalam perkahwinan dan juga landasan keturunan. Dengan perkembangan teknologi yang semakin maju, pergaulan antara lelaki dan perempuan terutamanya remaja semakin membimbangkan. Ini kerana pergaulan rapat mereka ini telah menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Salah satu daripada perkara ini adalah kehamilan sebelum perkahwinan. Kes pembuangan bayi banyak berlaku dalam kalangan remaja kerana hubungan seks rambang dan luar nikah yang menyebabkan berlakunya kehamilan yang tidak dikehendaki. Disebabkan perasaan takut dipandang serong oleh masyarakat, remaja mengambil jalan penyelesaian untuk membuang bayi atau gugur. Mereka takut jikalau anak-anak dalam kandungan mereka atau mereka sendiri tidak diterima dalam mana-mana komuniti.

Membuang bayi adalah cara yang paling mudah dilakukan oleh pasangan yang melakukan pezinaan dan hamil. Bagi kebanyakan kes, perempuan yang dipersalahkan dan terpaksa menanggung beban di atas perbuatan tersebut. (Mei Jiun Chong, 2010). Kajian yang dilakukan oleh Pakar Psikologi Kanak-kanak dan Remaja dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Khaidzir Ismail melalui “Kajian Profil Remaja Perempuan Risiko Tinggi terhadap kalangan remaja perempuan berisiko tinggi atau bermasalah” memberi pendedahan betapa punca sebenar terletak pada keluarga yang bermasalah (Siti Rohayu Ahmad & Khaidzir Ismail, 2008). Setiap manusia di dunia ini baik lelaki mahupun perempuan pastinya mempunyai akal dan mampu membezakan perkara yang baik dan buruk. Setiap perkara sebenarnya telah difahami oleh hati nurani masing-masing (Mei Jiun Chong, 2010).

Namun begitu, penyebab kehamilan dan bayi yang dilahirkan bukan hanya perlu dituding kepada kaum wanita bahkan pihak lelaki memainkan peranan utama hingga terjadinya kehamilan ini. Bagaimana ingin dibawa ke muka pengadilan adalah lebih kepada inisiatif keluarga pihak wanita yang ingin menuntut pampasan atau hukuman yang selayaknya. Bahkan ada kalangan pihak lelaki yang membunuh teman wanita dan bayi yang dalam kandungan. (Utusan Malaysia, 2023). Apa yang lebih menyedihkan ialah peguam bela lelaki tersebut seolah ingin melepaskan tertuduh pada Mei lalu dengan memohon Mahkamah Majistret agar anak guamnya dirujuk kepada pakar di hospital psikiatri. Berita ini boleh menyebabkan kesalahan hanya tertumpu kepada pihak wanita.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenali sejauh mana faktor pihak lelaki sering terlepas dalam kes pembuangan bayi hingga kesalahan itu serratu peartus diletak pada bahu wanita. Faktor wanita yang terlalu mudah percaya lelaki hingga sanggup menggadai maruah sering diperkatakan. Namun mungkin terdapat faktor lain yang mempengaruhi iaitu pujuk rayu lelaki. Selain itu kajian turut meneliti kesan kepada pihak wanita yang mungkin akan mendapati lelaki bukan sahaja berlepas tangan malahan hukuman yang dikenakan adalah ringan dan tidak ada kesan sebagaimana pihak wanita yang menanggung malu dan cemahan masyarakat, kesan psikologi dan sebagainya.

Kajian Terdahulu

Berdasarkan statistik 2005–2012 terdapat 685 orang bayi telah dibuang di seluruh negara. Di mana kes tertinggi dicatatkan ialah pada tahun 2008 iaitu 102 orang. Jumlah bagi tahun 2005 ialah 67, 2006 (83), 2007 (76), 2008 (102) dan 2010 (91) orang. Purata bagi lapan tahun kes pembuangan bayi ialah 85.6 orang. (Mustafa ‘Afifi Ab Halim et. al, 2013). Namun kes semakin meningkat alaysia merekodkan sebanyak 256 kes pembuangan bayi sepanjang 2020 hingga 2022 berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM). (Utusan Malaysia, 2023). Kajian tersebut meletakkan statistik yang sangat membimbangkan dengan pelbagai faktor seperti sosial media, keluarga yang bermasalah, tiada didikan agama dan pelbagai lagi.

Kajian oleh Khairul Hamimah turut menyatakan bahawa Pihak berkuasa, kerajaan dan NGO telah melakukan mengikut kemampuan untuk melindungi remaja hamil, bayi dengan penubuhan tempat perlindungan seperti Taman Seri Puteri, Asrama Bahagia, Baitul Ehsan, Dar Assaadah dan program Baby Hatch yang disediakan oleh Yayasan OrphanCare. Lanjutan kes-kes ini menggambarkan pembangunan sosial yang tidak seimbang atau selari dengan Pembangunan teknologi-industri yang diidamkan oleh wawasan negara kita. (Khairul Hamimah, 2023). Walaupun begitu masih tiada kesimpulan yang menjadi penyelesaian kepada pihak lelaki yang turut terlibat.

Hipotesis

Secara umumnya kajian mendapati bahawa akibat keterlanjuran sama ada secara sengaja atau tidak masih ragu-ragu untuk menilai sejauh mana kesalahan pihak lelaki. Hukuman dan tindakan sewajarnya hendaklah diperbincangkan dengan lebih serius melibatkan pelbagai pihak dan kementerian dalam Kerajaan. Ia juga adalah akibat peranan media massa yang kurang mengangkat isu pihak lelaki dan seolah berat sebelah terhadap permasalahan pembuangan bayi di negara ini. Akibatnya timbul rasa kurang senang dalam kalangan keluarga pihak wanita sehingga mengambil tindakan sendiri terhadap pihak lelaki yang menyebabkan penderitaan kepada keluarga wanita. (Berita Harian, 2023).

Permasalahan Kajian

Kemajuan sesebuah negara adalah bergantung pada akhlak warganya. Tingkah laku rakyat akan mencerminkan imej negara. Pembuangan bayi iaitu perbuatan yang tidak bermoral dan semestinya akan mencemarkan imej negara. Perbuatan ini bagai menconteng arang ke muka masyarakat Malaysia. Ia hanya akan memalukan keluarga dan menyebabkan individu terlibat dipandang serong khususnya kepada pihak wanita yang terlibat. Sejauh mana sikap tanggungjawab pihak lelaki masih menjadi persoalan. Hanya ketika keadaan sudah sampai ke peringkat membunuh ketika itu barulah pihak lelaki dihukum. Itu pun atas faktor kes membunuh bukannya penyebab kehamilan. (Utusan Malaysia, 2023)

Nyawa bayi menghadapi kematian atau kesusahan merupakan kesan pembuangan bayi. Bayi sepatutnya merupakan anugerah Tuhan yang paling berharga bagi pasangan suami isteri. Namun, akibat sikap yang tidak bertanggungjawab sesetengah pasangan, bayi telah menjadi mangsa dalam isu tersebut. Biasanya, mangsa bayi tersebut dibuang di tempat-tempat yang kotor dan terpencil menyebabkan mereka mengalami jangkitan kuman yang serius sehingga meninggal dunia. Walaupun jika bayi-bayi itu dapat diselamatkan nyawa, mereka terpaksa memikul gelaran anak luar nikah sepanjang hidup mereka. Namun keadaan tetap sama iaitu kesan kepada wanita yang melakukan akan berpanjangan seperti trauma, kesan kemurungan dan pelbagai kesan negatif hanya dialami oleh pihak wanita.

Kebanyakan kes yang berlaku ialah tiada persepakatan antara pasangan untuk menjaga bayi dan sikap lepas tangan pihak lelaki yang tidak mahu bertanggungjawab.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kaedah kualitatif dan ia dipilih kerana pengkajian ini tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik serta penemuan yang dihasilkan tidak melalui prosedur statistik atau cara pengkuantitian yang lain. Penjelasan terperinci berhubung kaedah penyelidikan yang diguna pakai dalam kajian ini dihuraikan melalui kaedah penganalisan teks, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Individu atau pasangan lelaki dan wanita yang membuang bayi ini mungkin mengalami masalah dari sudut kesihatan khususnya wanita. Ini adalah akibat wanita yang melahirkan bayi tersebut tidak mengikut prosedur kelahiran yang betul. Akibat kehilangan banyak darah menyebabkan jangkitan penyakit pada tubuh dan Rahim serta yang lebih teruk ialah kecederaan yang serius sewaktu bersalin. Pihak lelaki sering melarikan diri dan membiarkan teman wanitanya keseorangan hingga membolehkan lelaki mencari pasangan lain untuk memuaskan nafsunya. (Malaysia Dateline, 2023).

Kesan dari sudut mental, psikologi dan sosial iaitu hilang keyakinan, symptom halusinasi, emosi terganggu siang dan malam memberi kesan kepada wanita yang melahirkan anak tanpa nikah ini adalah kesan mental yang serius. Ia tidak memberi kesan kepada pihak lelaki yang melahirkan apatah lagi sering menyalahkan wanita yang mudah terpedaya dan mengikut kehendak lelaki. Begitu juga kesan kepada bayi itu sendiri apabila mendapat gelaran digelar “anak pungut” yang mungkin akan kekal sehingga dewasa.

Dari sudut perundangan pelaku hanya dihukum denda maksimum RM50,000 atau penjara dua puluh tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016). Namun hukuman ini tidak mampu menahan pihak lelaki untuk terus melakukan zina dan berlaku kehamilan kepada wanita lain setelah denda dibayar.

Untuk itu adalah disarankan agar hukuman lebih berat kepada pesalah zina sama ada lelaki dan wanita agar gejala pembuangan bayi atau pengguguran bayi tidak sentiasa bertambah saban tahun. Hal ini memberi kegerunan kepada pasangan yang ingin melakukan maksiat zina. Hukuman juga wajar dilihat semula sekiranya akta yang sedia ada tidak dapat membendung kegiatan ini daripada berleluasa. Sama ada lelaki atau wanita wajar dikenakan tindakan berat sekiranya dikendalikan oleh mahkamah sivil. Pihak lelaki juga wajar ditangkap sekiranya didapati melarikan diri atau cubaan menutup kesalahannya.

KESIMPULAN DAN SUMBANGAN

Setelah mendapati pelaku jenayah buang bayi ini melibatkan lelaki dan wanita seharusnya kementerian dan agensi terlibat menguatkuasakan tindakan pencegahan

dan melaksanakan proses penyelesaian yang paling efektif seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Hal ini akibat menyedari impak kepada isu yang dibincangkan akan mempengaruhi pelbagai aspek seperti kesihatan, psikologi dan sosial justeru Kementerian Kesihatan, Jabatan Agama dan agensi keselamatan seperti PDRM turut disaran melaksanakan perancangan tindakan pencegahan.

RUJUKAN

- Hamimah, K. (2023) *Kes Buang Bayi: Faktor, Kesan & Solusi Menurut Islam*. Kuala Lumpur.
- Ahmadan, S. R., & Hj Ismail, K. (2013). *Remaja dan Masalahnya Mengikut MPCL (Mooney Problem Check List)*. *Jurnal Personalia Pelajar*, (11). Dicapai daripada <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/8>
- Berita Harian. 2023. *Dendam punca kaki pukul dikelar saudara teman wanita*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1104661/dendam-punca-kaki-pukul-dikelar-saudara-teman-wanita>
- Aisya, M. (2023). *Wanita masuk penjara sebab hamil anak luar nikah, teman lelaki pula lari lepas tahu mengandung*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiadateline.com/wanita-masuk-penjara-sebab-hamil-anak-luar-nikah-teman-lelaki-lari-lepas-tahu-mengandung/>
- Jiun Chong, M. (2010). *Punca dan Jalan Penyelesaian Kes Pembuangan Bayi*. Dimuat turun daripada <https://www.scribd.com/doc/272637868/Punca-Dan-Jalan-Penyelesaian-Kes-Pembuangan-Bayi>
- M Jodi, K.M. (2023). *Kes Buang Bayi: Faktor, Kesan & Solusi menurut Islam*. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/373049072_Kes_Buang_Bayi_Faktor_Kesan_Solusi_Menurut_Islam